

Artikel

Pengukuhan Kemenangan Barisan Nasional Melalui Status Kubu Kuat, Politik Perpaduan dan Politik Kestabilan Dalam Pilihan Raya Kecil DUN Ayer Kuning, Perak, Malaysia
(*Strengthening Barisan Nasional's Victory Through Stronghold Status, Unity Politics and Stability Politics on the By-election in State Legislative Constituency of Ayer Kuning, Perak, Malaysia*)

Junaidi Awang Besar

Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: jab@ukm.edu.my

Diserah: 25 Jun 2025

Diterima: 25 Ogos 2025

Abstrak: Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) N48 Ayer Kuning Perak, diadakan berikutan kematian penyandangnya, iaitu Allahyarham Ishsam Shahruddin, pada 23 Februari 2025 akibat sakit jantung. Kawasan ini berada dalam kawasan Parlimen Tapah dan merupakan kubu kuat BN/UMNO yang tidak pernah tewas selama 9 penggal berturut-turut. Ini menunjukkan bahawa penyokong BN/UMNO terus kekal setia kepada parti meskipun dibadai dengan isu nasional yang melemahkan pengaruh BN pada PRU 1990, 1999, 2008, 2018 dan 2022. PRK kawasan ini diadakan pada 26 April 2025, dan hasilnya BN/UMNO terus menguasai kawasan ini pada PRK tersebut. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis pengukuhan kemenangan Barisan Nasional melalui status kubu kuat, politik perpaduan dan politik kestabilan dalam PRK DUN Ayer Kuning, Perak. Berdasarkan pemerhatian di lapangan, rujukan media sosial dan sumber sekunder menunjukkan bahawa kemenangan BN/UMNO dalam PRK DUN Ayer Kuning 2025 antaranya disebabkan status sebagai kubu kuat yang dapat dilihat melalui trek rekod tidak pernah kalah selama 9 penggal berturut-turut; keserasian dengan semua ADUN BN sebelum ini dan yang terbaru; semangat kental serta kesetiaan penyokong; dan struktur jentera yang tersusun. Meskipun PRK ini hanya bersifat lokal dan setempat, namun status semasa persepsi rakyat terhadap pihak Kerajaan dan pembangkang dicerap daripada keputusan dan pola pengundian PRK ini.

Kata kunci: Pilihan Raya Kecil; kawasan; kubu kuat politik perpaduan; politik kestabilan

Abstract: The by-election for the N48 State Legislative Assembly constituency of Ayer Kuning Perak, took place after the death of its incumbent, the late Ishsam Shahruddin, from a heart attack on 23 February 2025. This constituency is located within the Tapah Parliamentary constituency and has been a BN/UMNO stronghold, having never lost an election for 9 consecutive terms. The election result shows that BN/UMNO supporters continue to remain loyal to the party despite being hit by national issues that weakened BN's influence in the 1990, 1999, 2008, 2018 and 2022 general elections. The by-election for this constituency took place on 26 April 2025, during which BN/UMNO maintained their dominance. Therefore, the purpose of this article is to analyse the consolidation of Barisan Nasional's victory through stronghold status, unity politics and stability politics in the by-election of the State Legislative Assembly constituency of Ayer Kuning, Perak. Based on field observations, social media references and secondary sources, BN/UMNO's victory in the 2025 Ayer Kuning state legislative by-election is due to its status as a stronghold, which can be seen through its track record of never losing for 9 consecutive terms; compatibility with all previous and recent BN assemblymen; strong and loyal supporters; and an organised machinery structure. Although this by-election

is only local and localised, the current status of the people's perception of the government and the opposition is observed as a result of the results and voting patterns of the election.

Keywords: By-elections; areas; strongholds; politics of unity; politics of stability

Pengenalan

Sejarah perkembangan politik di Malaysia memperlihatkan negara ini mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Demokrasi bermaksud kebebasan individu dalam menggunakan hak mereka bagi menentukan pembentukan sesebuah kerajaan. Ini bererti setiap individu mempunyai kuasa memilih pemimpin atau kerajaan di sesebuah negara. Kerajaan yang bercorak demokrasi ialah kerajaan yang tertakluk kepada persetujuan rakyat dan menjalankan tugas-tugas dan polisinya untuk melaksanakan kehendak-kehendak rakyat (Ab. Rashid & Manimaran, 2021). Dalam hal ini, beberapa parti politik wujud bagi mewakili rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

Pengundian merupakan elemen yang paling penting dalam negara demokrasi. Konsep dan fungsi demokrasi tidak akan sempurna tanpa rakyat yang mengundi. Pilihan raya umum diadakan setiap lima tahun sekali atau kurang setelah Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dibubarkan. Pilihan raya dijalankan untuk mengekalkan atau memilih pucuk pimpinan yang baru bagi menerajui negara. Pilihan raya juga merupakan satu cara untuk memilih calon bagi mengisi jawatan di peringkat tertinggi kerajaan. Pilihan raya dapat menentukan calon dari parti dipilih sebagai Perdana Menteri manakala Perdana Menteri pula akan melantik beberapa orang untuk menjawat pelbagai jawatan menteri dalam pelbagai kementerian di bawahnya. Urusan pilihan raya ini dikendalikan oleh sebuah badan bebas iaitu Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agong. Kakitangan yang dilantik adalah berdasarkan kebolehan dan kelayakan serta berkecuali daripada pengaruh politik (Wan Ahmad, 2014).

Pilihan Raya Kecil (PRK), kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning diadakan pada 26 April 2025 berikutan kematian penyandang iaitu Ishsam Shahrudin pada 23 Februari 2025 akibat sakit jantung. PRK ini merupakan PRK yang ke 11 selepas PRU 2022 dan pertama di Negeri Perak. Kawasan DUN Ayer Kuning yang terletak dalam Parlimen Tapah, Perak merupakan kubu kuat Barisan Nasional/United Malay National Organization (BN/UMNO) kerana kawasan ini tidak pernah dimenangi parti lawan sejak sembilan penggal pilihan raya. Meskipun PRK ini penting bagi melihat pola sokongan semasa dan senario politik setempat namun PRK ini juga penting bagi melihat penerusan momentum kekuatan BN/UMNO yang telah menang dalam tiga PRK berturut-turut iaitu di Pelangi, Nenggiri dan Mahkota. PRK ini juga boleh dijadikan mini referendum rakyat terhadap isu semasa dan prestasi Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan di samping dapat menguji kesepakatan jentera pilihan raya Kerajaan Perpaduan iaitu antara Pakatan Harapan (PH) dan BN.

Senario politik pilihan raya di Perak, khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Kuning, mencerminkan dinamika politik yang cukup kompleks, dengan peralihan sokongan antara parti-parti politik yang utama. Pada pilihan raya negeri 2023, Ayer Kuning, yang terletak di kawasan luar bandar, telah menjadi tumpuan bagi parti-parti besar seperti Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), dan Perikatan Nasional (PN). Parti-parti ini berlumba-lumba untuk meraih sokongan pengundi, terutama dalam kalangan masyarakat Melayu dan pengundi muda yang semakin menyuarakan pendapat mereka. Keputusan pilihan raya sebelum ini menunjukkan persaingan sengit antara calon-calon daripada BN dan PH, yang masing-masing berusaha mendapatkan sokongan dengan menawarkan pelbagai janji pembangunan dan kesejahteraan.

Di peringkat DUN Ayer Kuning, politik tempatan juga dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti populariti calon, isu pembangunan daerah, serta hubungan antara pengundi dan wakil rakyat mereka. Walaupun kawasan ini lebih dikenali dengan pengaruh BN, parti PH dan PN juga semakin aktif dalam memperkenalkan calon-calon mereka dan menonjolkan isu-isu tempatan yang relevan seperti pembinaan infrastruktur, pendidikan, dan peluang pekerjaan. Terkini, perubahan landskap politik dengan penggabungan dan pembentukan kerjasama antara beberapa parti telah mengubah arus sokongan di Ayer Kuning, menjadikannya kawasan yang tidak boleh dipandang sebelah mata. Keseluruhan senario pilihan raya ini menunjukkan betapa pentingnya

strategi lokal yang tepat dalam menarik sokongan pengundi, di samping pengaruh nasional yang turut memberikan kesan besar kepada keputusan di kawasan tersebut.

Keputusan PRK DUN Ayer Kuning menunjukkan BN/UMNO berjaya mengekalkan penguasaan di kawasan ini bagi penggal ke 10 melalui calonnya iaitu Mohamad Yusri Bakir yang menang dengan majoriti 5,006 undi menewaskan calon PN/PAS iaitu Abdul Muhammin Malek dan calon PSM iaitu Bawani Kaniapan. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada pengukuhan kemenangan Barisan Nasional di DUN Ayer Kuning, dengan memberi tumpuan kepada tiga aspek utama iaitu status kawasan sebagai kubu kuat, dinamika politik perpaduan, dan faktor kestabilan politik.

Ulasan Literatur: Politik Pilihan Raya di Negeri Perak

Terdapat beberapa kajian awal ke atas senario politik di Perak sama ada isu semasa, kepemimpinan mahupun yang berkaitan dengan pilihan raya telah dilakukan oleh penyelidik tempatan. Kamaruddin (1988) menjelaskan bahawa tujuh orang tokoh yang pernah menjadi Menteri Besar Perak mempunyai latar belakang dan gaya kepimpinan yang tersendiri. Kesemua tokoh ini berkebolehan dalam mentadbir negeri dan menyelesaikan masalah yang dihadapi menjadikan mereka sebagai tokoh yang berjasa kepada bangsa dan negeri Perak.

Seterusnya, Junaidi dan Mohd Fuad (2009); dan Junaidi et al. (2010) berpendapat Pilihan Raya Kecil (PRK) Parliment Bukit Gantang dapat dijadikan referendum suara rakyat sama ada menerima atau sebaliknya terhadap penubuhan kerajaan baru Negeri Perak dibawah pemerintahan BN. Bloggers Network Perak (2009) menjelaskan bahawa rampasan kuasa di Perak oleh BN/UMNO adalah senario politik yang tidak berperlembagaan dan mengkhianati mandat rakyat yang memilih Pakatan Rakyat untuk memerintah Perak selepas PRU 2008.

Di samping itu, Amer Hamzah (2011) menghuraikan bahawa krisis politik Perak membangkitkan persoalan dari segi kuasa Menteri Besar dan Sultan dari segi pembubaran DUN atau pembentukan kerajaan baharu berasaskan kedaulatan undang-undang yang betul. Kuek (2012) dalam kajian PRK Parliment Bukit Gantang, Perak mendapati sokongan padu pengundi Cina di samping kekecewaan pengundi terhadap peristiwa rampasan kuasa kerajaan negeri Perak oleh BN menjadi sebab utama kemenangan PAS dalam PRK tersebut.

Lanjutan itu, Junaidi dan Mohd Fuad (2013) dalam kajian PRK kawasan Parliment Bukit Gantang, Perak mendapati bahawa antara faktor-faktor penyebab BN menang di kawasan Melayu pada PRK ini adalah krisis politik dan perlembagaan di Perak. Orang Melayu tidak setuju dengan Pakatan Rakyat kerana kritikan Karpal Singh (DAP) dan Dato' Seri Mohammad Nizar Jamaluddin (PAS) terhadap Sultan Perak kerana tindakan ini dianggap tidak menghormati Artikel 16 (6) Undang-undang Tubuh Negeri Perak iaitu Kuasa Sultan Perak dalam memutuskan perlantikan Menteri Besar Perak.

Berikutnya, Amir Hasan (2013) dalam kajian pola pengundian di Perak dalam pra PRU-13 menjelaskan bahawa adalah rumit untuk membuat telahan parti yang bakal menang besar pada PRU-13 di Perak. Namun kemenangan parti politik yang bertanding sangat bergantung kepada sebab yang mempengaruhi pola pengundian iaitu faktor politik dalaman Perak dan juga politik nasional. Amer Saifude (2013) dalam kajian pola pengundian PRK Parliment Bukit Gantang menghujahkan bahawa kemenangan PAS dalam PRK tersebut berpunca daripada peristiwa semasa sosiopolitik Perak iaitu disebabkan peralihan kuasa daripada Kerajaan PR kepada Kerajaan BN-UMNO tanpa mendapat dokongan rakyat yang telah mengecewakan sebahagian kelompok pengundi dan disifatkan sebagai lambang kerakusan BN-UMNO.

Di samping itu, Junaidi et al. (2014) dalam kajian PRK Parliment Teluk Intan mendapati secara keseluruhannya sokongan pengundi di kawasan ini dipengaruhi oleh ‘pilihan rasional’. Ini kerana majoriti pengundi di kawasan Parliment Teluk Intan mengundi calon atau parti yang dapat membawa perubahan dan pembangunan yang lebih baik terutamanya pengundi daripada etnik Melayu dan India. Reema (2014) dalam kajian PRU-13 di kawasan Parliment Lumut, Perak menjelaskan bahawa kemenangan calon Melayu PKR di kawasan tersebut disebabkan sokongan pengundi Melayu kepada calon tersebut kerana calon BN adalah daripada etnik Cina.

Berikutnya, Siti Noranizahhafizah & Jayum (2016) dalam kajian keputusan PRU 2013 di negeri Perak menghujahkan bahawa pada PRU 2013 yang lalu, BN menang di negeri Perak dengan kedudukan yang sentig

seperti PR pada PRU 2008. Madhi & Muhamad Nadzri (2017) menghuraikan bahawa pemerintahan Pakatan Rakyat di Perak selama 11 bulan bukan sahaja singkat tetapi juga penuh drama dan kontroversi. Kajian politik pilihan raya di Negeri Perak oleh Arif et al. (2017) menunjukkan bahawa Pilihan Raya Kecil Teluk Intan 2014 membawa beberapa kesan politik. Kekalahan Parti Tindakan Demokratik (DAP) dengan perbezaan tipis telah menunjukkan beberapa sebab yang kurang diberi perhatian termasuk isu calon berdasarkan etnik yang menjelaskan taktikal pilihan raya.

Selain itu, Malek et al. (2018) mendapati bahawa trend pengundian dalam kalangan golongan muda luar bandar dipengaruhi oleh pelbagai sebab antaranya aspek pengaruh media sosial, media konvensional, faktor calon dan parti juga memberi kesan kepada pola pemilihan dalam kalangan pengundi di kawasan kajian. Malek et al. (2018) mendapati bahawa meskipun media sosial memberi impak kepada trend pemilihan dalam kalangan pengundi muda luar bandar tetapi pengaruhnya tidaklah begitu kuat disebabkan terdapat aspek lain yang mempengaruhi pola tersebut termasuk aspek kualiti calon dan kekuatan jentera parti.

Seterusnya, Khairi et al. (2019) dalam kajian PRU 2018 di Perak menyatakan bahawa politik lompat parti terus mewarnai latar politik negeri untuk membentuk Kerajaan Negeri yang stabil. Iskandar Dzulkarnain (2020) menjelaskan bahawa undi Melayu yang berpecah kepada tiga parti iaitu BN, PAS dan PH di Perak serta PH yang mendapat undi majoriti daripada pengundi Cina dan India menyebabkan PH berjaya menawan Perak dengan jumlah kerusi DUN yang tipis. Haslinda (2020) menganalisis bahawa garis panduan yang digunakan semasa pilihan raya kecil kerusi DUN Chini telah digunakan dalam pilihan raya kecil Slim dengan beberapa penambahbaikan untuk membendung penularan COVID-19

Di samping itu, Junaidi & Rosniza Aznie (2021) mendapati bahawa pengundi di luar bandar di kawasan Parlimen Pasir Salak dipengaruhi sentimen kepartian yang kuat dan setia atau lebih dikenali sebagai identifikasi parti yang kental. Nur Adilah Shahirah, Ariff Aizuddin & Mazlan (2021) mendapati bahawa fenomena PRK Slim yang berlaku di saat negara dibebani penularan virus pandemik COVID-19 memperlihatkan pelbagai isu berbangkit dalam menstabilkan pentadbiran negara rentetan episod rampasan kuasa berlaku buat julung kalinya setelah negara digemparkan dengan keruntuhan empayar rejim BN yang berdiri kukuh selama lebih enam dekad lamanya.

Lanjutnya, Junaidi et al. (2021) menjelaskan bahawa kawasan Parlimen Bagan Serai merupakan kawasan luar bandar yang dihuni majoriti Melayu terutamanya berketurunan Banjar yang berasal daripada Indonesia mempunyai sokongan kepada BN dan PAS/PKR yang seimbang, namun kedua-dua parti politik tersebut mempunyai penyokong atau kubu kuat di kawasan Daerah Mengundi tertentu. Faktor identifikasi parti, ideologi keagamaan Islam, politik pembangunan, isu semasa dan faktor calon mempengaruhi sokongan pengundi terhadap parti politik yang bertanding mengikut kawasan-kawasan daerah mengundi tertentu.

Berikutnya, Siti Noranizahhafizah et al. (2021) menghuraikan bahawa PH telah berjaya membentuk kerajaan di negeri Perak. Namun, berdasarkan keputusan PRU-14 dapat dikatakan kedudukan PH dan BN hampir sama kuat kerana PH melebihi dua kerusi dari BN dan baki tiga kerusi dimenangi oleh PAS. Adilah et al. (2021) mendapati bahawa PRK Slim berlaku ketika negara berhadapan dengan pandemik, mencetuskan pelbagai isu dalam menstabilkan pentadbiran. Syafiza dan Junaidi (2022) mendapati bahawa persepsi dan partisipasi penduduk berbeza-beza berdasarkan kepelbagaian latar belakang demografi dan sosioekonomi mereka.

Metodologi

Bagi metodologi kajian, reka bentuk kajian yang diguna dalam kajian ini adalah pendekatan campuran iaitu gabungan antara kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk pendekatan *mix method* merujuk kepada penggunaan gabungan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif dalam satu kajian untuk mendapatkan pemahaman yang lebih menyeluruh mengenai fenomena yang dikaji. Pendekatan ini menggabungkan data berangka yang boleh dianalisis secara statistik dengan data naratif yang lebih mendalam, seperti hasil data bernombor atau pemerhatian, untuk memperkaya hasil kajian. Gabungan kedua-dua pendekatan ini membolehkan penyelidik melihat fenomena dari pelbagai perspektif, meningkatkan kredibiliti dan ketepatan keputusan kajian, serta memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai topik yang sedang dikaji.

Sumber data pula bermaksud tempat atau cara data dikumpulkan untuk tujuan penyelidikan atau analisis. Dalam penulisan ini, sumber data boleh dibahagikan kepada dua kategori utama: sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merujuk kepada data yang dikumpulkan secara langsung oleh penyelidik melalui data keputusan pilihan raya mengikut Daerah Mengundi dan kaedah pemerhatian di lapangan yang dilakukan penulis ketika kempen ceramah dan walkabout yang diadakan di sekitar kawasan Daerah Mengundi dalam DUN Ayer Kuning seperti Sungai Lesong, Ayer Kuning, Changkat Petai, Tapah Road Utara dan Pekan Getah. Sumber sekunder pula merujuk kepada data yang telah dikumpulkan dan diproses oleh pihak lain yang disebut juga sebagai kajian kepustakaan atau analisis dokumen seperti buku akademik, artikel jurnal serta kertas kerja persidangan membolehkan penulis memperoleh gambaran tentang penyelidikan ini. Di samping itu, penulis juga memperoleh maklumat dari media elektronik seperti melayari laman web bagi memperoleh informasi tambahan secara atas talian seperti laporan kajian, makalah dan penulisan jurnal. Pemilihan sumber data yang sesuai bergantung kepada objektif kajian, jenis soalan penyelidikan, dan sumber yang tersedia, iaitu sumber data yang tepat dan relevan adalah kunci untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan hasil kajian.

Langkah analisis data dalam penulisan ini antara pemerhatian di lapangan, data keputusan pilihan raya, dan sumber sekunder melibatkan proses yang berbeza bergantung kepada jenis data yang dikumpul. Dalam pemerhatian di lapangan, penyelidik mengumpul data kualitatif dengan memerhati fenomena atau tingkah laku dalam konteks semula jadi ketika kempen, yang kemudiannya dianalisis melalui kod tematik atau analisis naratif untuk mengenal pasti pola dan makna. Untuk data keputusan pilihan raya, analisis dilakukan menggunakan kaedah kuantitatif, seperti statistik deskriptif, untuk menilai trend pengundi, demografi, dan pola pemilihan. Sementara itu, sumber sekunder seperti laporan atau kajian terdahulu perlu dianalisis dengan menilai kesahihan, relevansi, dan kredibiliti maklumat, dan seterusnya digabungkan dengan data primer untuk memberikan gambaran yang lebih lengkap. Secara keseluruhannya, analisis ini memerlukan pendekatan yang holistik, iaitu setiap jenis data disaring, dibandingkan, dan digabungkan untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai topik yang dikaji.


Lokasi Kajian: DUN Ayer Kuning

DUN Ayer Kuning terletak di negeri Perak, Malaysia, dan merupakan salah satu kawasan pilihan raya yang mempunyai sejarah panjang dalam pembangunan politik dan sosial. Nama "Ayer Kuning" dipercayai berasal dari nama sebuah anak sungai di kawasan tersebut, yang dikenali sebagai "Ayer Kuning" atau "Sungai Kuning." Secara geografi, Ayer Kuning terletak di daerah Batang Padang, berdekatan dengan pekan Tanjung Malim dan Ipoh, dua bandar utama di negeri Perak. Kawasan ini dikenal pasti sebagai kawasan yang kaya dengan sumber alam semula jadi dan merupakan pusat pertanian, terutamanya penanaman getah dan kelapa sawit, yang memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan sejak zaman penjajahan British.

Sejarah politik kawasan ini bermula sejak era pasca-merdeka, iaitu kawasan ini menjadi salah satu kawasan yang aktif dalam pilihan raya negeri Perak. DUN Ayer Kuning telah melalui pelbagai perubahan demografi dan landskap politik, yang didominasi oleh oleh Barisan Nasional (BN). Seiring dengan perkembangan zaman, Ayer Kuning juga menyaksikan peningkatan dalam infrastruktur dan kemudahan awam, menjadikannya salah satu kawasan yang semakin maju. Dalam beberapa pilihan raya terakhir, Ayer Kuning menjadi medan persaingan sengit antara parti-parti politik utama, dengan isu-isu seperti pembangunan tempatan, kemajuan ekonomi, dan kesejahteraan sosial penduduk menjadi tema utama dalam kempen pilihan raya di kawasan ini.

Kawasan DUN Ayer Kuning terletak dalam Parlimen Tapah, Perak merangkumi 20 kawasan Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1). Kawasan DUN Ayer Kuning mempunyai 31,897 orang pemilih berdaftar iaitu dari segi komposisi etnik merangkumi Melayu 56.8%, Cina 21.1%, India: 14.4%, Orang Asli: 6.7%, dan etnik lain 0.7%. Dari segi pecahan umur pengundi, pengundi yang berumur 21–40 tahun sebanyak 42.8%, 41–60 tahun 31.6%, 61 tahun ke atas 20.5%, dan pengundi muda 18–20 tahun adalah baki daripada 100% (sekitar 5%). Daripada kesemua pengundi (31,897 orang), ianya terdiri daripada pengundi biasa (31,315 orang) dan undi awal (anggota polis + pasangan, 582 orang). Secara keseluruhannya, pengundi yang berusia 18–39 tahun membentuk sekitar 45.9%-46% daripada jumlah pengundi di kawasan DUN Ayer Kuning. Dari segi sejarah

politik pilihan raya, sejak dipertandingkan pada PRU 1986, DUN Ayer Kuning kekal di bawah BN–UMNO dalam lapan penggal berturut-turut sehingga PRU 2022. Bekas ADUN termasuk Datuk Azman Mahalan (1986–2004), Datuk Samsudin Abu Hassan (2004–2022), dan Ishsam Shahruddin (2022–Feb 2025).



Rajah 1. Peta kawasan daerah mengundi dalam DUN Ayer Kuning, Tapah, Perak
Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta (PW) Kawasan Parlimen Tapah, Perak (2025)

Hasil Kajian Dan Perbincangan

1. Keputusan Pilihan Raya Kecil

Keputusan rasmi PRK DUN Ayer Kuning menunjukkan bahawa Mohamad Yusri Bakir (BN) menang dengan 11,065 undi (60.7%), menewaskan Abdul Muhamimin Malek (PN) yang mendapat 6,059 undi (33.2%), dan Bawani Kaniapan (PSM) dengan 1,106 undi (6.1%). Sebanyak 289 kertas undi yang ditolak. Kemenangan BN

dengan majoriti 5,006 undi menunjukkan peningkatan berbanding majoriti hanya 2,213 undi semasa PRU-15. Peratus pengundian turun mendadak dari 75% (PRU-15) ke 58.06% dalam PRK ini.

BN berjaya mendapatkan sokongan merentasi semua kaum iaitu Melayu, Cina, India dan Orang Asli. Hanya satu Pusat Daerah Mengundi (PDM) mencatat penurunan undi kecil (88 undi), sementara yang lain ditawan kembali oleh BN. PN memperoleh 6,059 undi, sedikit berkurangan dari PRU-15 (6,812 undi). Walaupun sedikit merosot, PN masih mendapat sokongan kukuh dari pengundi Melayu dan memilih isu agama; namun, mereka mungkin hadapi cabaran menggerakkan pengundi. PSM memperoleh 1,106 undi, meningkat dari 586 undi dalam PRU-15 dan ini menunjukkan fenomena undi protes khususnya daripada pengundi India/B40. Pengundi apati menggambarkan turunnya kadar keluar mengundi menggambarkan kelesuan politik, perayaan, pengundi luar tidak pulang, dan kekecewaan kepada isu ekonomi (*cost of living*). Momentum BN mentrajektorikan peningkatan majoriti serta sokongan merentasi kaum membuktikan strategi BN & PH (Perpaduan) efektif. Keterhadan PN menunjukkan meskipun mendapatkan undi kaum Melayu, naratif agama tidak dapat menembusi sokongan bukan Melayu dan pengundi muda secara efektif. Undi protes PSM pula menggambarkan keberkesanan kempen PSM menggambarkan kebangkitan suara minoriti yang kecewa terhadap kestabilan sosioekonomi & perwakilan semasa.

PRK Ayer Kuning menggambarkan dominasi BN yang kekal utuh, walaupun ditandakan dengan kadar keluar mengundi yang rendah dan dinamika undi protes kepada pihak pemerintah melalui isu ekonomi. Majoriti yang bertambah dan sokongan merentasi etnik menggambarkan keberkesanan perpaduan BN-PH. Namun, PN mesti tingkatkan mobilisasi, manakala PSM menampilkan potensi untuk menjadi penanda aras protes alternatif, terutamanya dalam kalangan kaum India.

2. Faktor Sokongan Pengundi Dalam PRK DUN Ayer Kuning, Perak

Kemenangan BN/UMNO dalam PRK DUN Ayer Kuning 2025 antaranya disebabkan status sebagai kubu kuat dapat dilihat melalui trek rekod tidak pernah kalah selama 9 penggal berturut-turut; serasi dengan semua ADUN BN sebelum ini dan yang terbaru; semangat kental serta setia penyokong; dan struktur jentera yang tersusun. Bagi faktor politik perpaduan pula merangkumi kerjasama erat antara jentera BN dengan PH sebagai Kerajaan Perpaduan; imej BN yang mengamalkan politik pemuaafakan antara kaum; pendekatan kempen politik yang damai, matang, wacana politik yang positif, tidak menyerang peribadi dan parti lawan serta berfokuskan penyelesaian; pendekatan pujuk, santun dan kepong pengundi putih dan kelabu yang berkesan; dan naratif ‘perpaduan ke arah kemakmuran ekonomi’. Bagi faktor kestabilan pula menampilkan kerjasama, dokongan dan kesetiaan pimpinan BN dan PH di peringkat negeri Perak dan pusat atas nama Kerajaan Perpaduan; kekuatan calon sebagai anak tempatan dan berpengalaman; naratif isu nasional dan negeri yang berjaya ditangani dengan baik; kredibiliti Menteri Besar Perak; dan imej PMX; Meskipun PRK ini hanya bersifat lokal dan setempat namun status semasa persepsi rakyat terhadap pihak Kerajaan dan pembangkang dalam dicerap hasil daripada keputusan dan pola pengundian PRK ini.

Kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Ayer Kuning boleh dilihat sebagai hasil daripada beberapa faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan mereka. Salah satu faktor utama adalah kepuasan rakyat terhadap pembangunan dan kemajuan infrastruktur yang dibawa oleh kerajaan BN. Di kawasan Ayer Kuning, BN telah menunjukkan komitmen dalam meningkatkan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air, dan elektrik, yang sangat penting untuk kesejahteraan penduduk luar bandar. Dengan adanya projek pembangunan yang memberi manfaat langsung kepada kehidupan rakyat, banyak pengundi melihat BN sebagai parti yang mampu membawa kemajuan yang lebih lanjut kepada kawasan mereka.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian di lapangan, strategi kempen yang efektif memainkan peranan penting dalam kemenangan BN. Parti tersebut berjaya meraih sokongan dengan menumpukan kepada isu-isu lokal yang relevan dengan kehidupan seharian penduduk Ayer Kuning, seperti peluang pekerjaan, kebajikan masyarakat, dan kestabilan politik. BN juga memanfaatkan jaringan dan hubungan lama dengan pengundi setempat, yang telah dibina selama bertahun-tahun. Kempen mereka yang berorientasikan perkhidmatan masyarakat ini berjaya meraih kepercayaan pengundi, terutamanya golongan penduduk yang lebih tua dan konservatif, yang lebih cenderung memilih kestabilan dan kesinambungan pembangunan.

Faktor kekuatan jentera parti BN juga tidak dapat dinafikan. Dengan struktur organisasi yang kuat dan pengalaman luas dalam mengendalikan pilihan raya kecil, BN dapat mobilisasi sumber yang lebih besar untuk mengatur kempen yang berkesan. Kehadiran pemimpin-pemimpin utama parti dan sokongan daripada rangkaian individu berpengaruh di peringkat negeri serta persekutuan turut memperkuatkan momentum kemenangan mereka. Di samping itu, kesatuan dalaman parti dan solidariti antara ahli parti dalam menghadapi saingan sengit juga menjadi faktor penting yang mendorong kemenangan BN dalam PRK DUN Ayer Kuning, kerana mereka dapat menyatukan sokongan pelbagai kelompok dan memastikan tiada perpecahan dalam kalangan pengundi mereka.

Kekalahan Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Ayer Kuning dapat dikaitkan dengan beberapa faktor utama yang memberi impak negatif kepada kempen mereka. Salah satu faktor utama adalah kesukaran untuk menarik sokongan pengundi tradisional yang selama ini cenderung mengundi BN. Meskipun PN memperkenalkan wajah-wajah baru dan menjanjikan perubahan, namun masih wujud keraguan dalam kalangan pengundi, terutamanya golongan yang lebih tua dan konservatif, mengenai kemampuan PN untuk membawa pembangunan yang konsisten. Pengundi di kawasan luar bandar, termasuk di Ayer Kuning, cenderung lebih mempercayai kestabilan dan pengalaman yang ditawarkan oleh BN, dan ini memberikan kelebihan kepada BN dalam meraih sokongan.

Selain itu, isu perpecahan dalaman dan ketidaksefahaman dalam kalangan komponen PN turut memberi kesan negatif kepada prestasi mereka dalam PRK ini. PN terdiri daripada beberapa parti, termasuk PAS, Bersatu, dan Gerakan, yang kadangkala menghadapi perbezaan pendapat dan pertikaian tentang strategi kempen dan calon yang bertanding. Perpecahan ini dapat mencerminkan kekurangan kesepakatan di kalangan pengundi, terutamanya apabila pengundi melihat ketidakserasan antara pemimpin-pemimpin utama.

Satu lagi faktor yang menyumbang kepada kekalahan PN adalah kurangnya fokus pada isu-isu lokal yang memberi impak langsung kepada kehidupan penduduk Ayer Kuning. Semasa kempen, BN lebih berjaya mengaitkan isu-isu pembangunan seperti peningkatan kemudahan asas dan peluang pekerjaan, sementara PN kelihatan lebih fokus pada isu-isu nasional yang mungkin kurang relevan dengan keperluan segera pengundi tempatan. PN gagal menunjukkan bukti konkret mengenai bagaimana mereka dapat membawa perubahan yang nyata kepada Ayer Kuning dalam konteks pembangunan ekonomi dan sosial. Tanpa jawapan yang jelas kepada cabaran-cabaran lokal, pengundi lebih cenderung untuk memilih BN yang mereka anggap lebih berpengalaman dan terbukti dalam menangani isu-isu tersebut.

3. Pola Pengundian

BN mendapat 5,006 undi majoriti hasil kemenangan di 59 daripada 67 saluran mengundi, manakala jumlah keluar mengundi adalah 58.4 peratus atau 18,230 daripada 31,897 jumlah pemilih berdaftar (Lihat Jadual 1). Jumlah keluar mengundi yang berkurang berbanding Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) sememangnya sudah dijangka kerana PRK pengundi akan berfikir beberapa kali untuk pulang mengundi. Ini disebabkan PRU-15 akan memberi impak terhadap pembentukan kerajaan negeri. BN memperoleh 11,083 atau 60.7 peratus undi keseluruhan, iaitu kenaikan berbanding 9,088 undi (38.73 peratus) pada PRU-15. Peningkatan ini adalah kerana pertembungan dominasi dua penjuru antara parti gabungan BN dengan PN, manakala calon PSM adalah parti kecil yang tidak dapat bersaing dengan gabungan besar. Kemenangan calon BN juga dimangkin oleh sokongan pengundi PH sebagai gabungan dalam Kerajaan Perpaduan.

Ketika PRU-15, BN menang enam Pusat Daerah Mengundi (PDM), iaitu Kampung Sungai Kurong, Banir, Tapah Road Utara, Pekan Getah, Kampung Simpang Tiga dan Kampung Rahmat. Lapan PDM pula dimenangi oleh PN iaitu Temoh Stesyen, Sungai Lesong, Kampung Batu Mesjid, Kampung Batu Tiga, Tanjung Keramat, Changkat Petai, Tapah Road Timor dan Jeram Mengkuang. PH menang enam PDM, iaitu Sungai Keroh, Banir Utara, Ayer Kuning, Ayer Kuning Selatan, Kampung Raya dan Kampung Coldstream. Apa yang menariknya pada PRK ini, BN memenangi semua PDM kecuali Tanjung Keramat yang masih dimenangi PN. Kemenangan ini menarik kerana calon Kerajaan Perpaduan berjaya merampas hampir semua kawasan yang dimenangi PAS atau PN ketika PRU-15.

Melihat kepada faktor pengundi Melayu, PDM yang mempunyai jumlah pengundi Melayu melebihi 90 peratus ialah Temoh Stesyen, Sungai Lesong, Kampung Sungai Kurong, Kampung Batu Mesjid, Kampung

Batu Tiga, Banir, Tanjung Keramat, Changkat Petai dan Tapah Road Timor. Majoriti pengundi Melayu melebihi 65 peratus adalah di PDM Tapah Road Utara, Kampung Raya, Pekan Getah, Kampung Simpang Tiga dan Kampung Rahmat. Kawasan bercampur pula ialah Sungai Keroh dan Ayer Kuning, manakala kawasan majoriti pengundi Cina terletak di Ayer Kuning Selatan, Banir Utara dan Kampung Coldstream. Berdasarkan analisis bagi pengundi Melayu, jelas menunjukkan BN berjaya menarik undi kumpulan ini menyokong mereka semula.

BN memperoleh hampir 9,000 undi pengundi Melayu berbanding 5,500 undi oleh PN. Ini menunjukkan sekitar 62 peratus pengundi Melayu (termasuk Orang Asli) memberikan undi kepada BN. Kiraan ini juga berdasarkan jumlah keluar mengundi rendah dalam kalangan pengundi Cina, iaitu 35 peratus yang majoriti besarnya sebelum ini menyokong PH dan kali ini memberikan undi mereka kepada BN.

Salah satu sebab utama mengapa pengundi Melayu kembali menyokong Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Ayer Kuning adalah kerana faktor kestabilan politik dan kepercayaan terhadap pengalaman dan perpaduan BN dalam memerintah. Walaupun terdapat peralihan sokongan kepada parti lain dalam pilihan raya umum sebelumnya, pengundi Melayu di Ayer Kuning cenderung untuk memilih kestabilan yang ditawarkan oleh BN. BN telah lama menjadi parti yang dominan di kawasan ini dan mempunyai rekod yang kuat dalam membawa pembangunan dan kestabilan sosial-ekonomi kepada komuniti Melayu, terutamanya dalam hal pembangunan infrastruktur dan kebijakan masyarakat. Oleh itu, pengundi Melayu yang lebih konservatif dan mengutamakan kesinambungan pembangunan dilihat lebih cenderung untuk kembali menyokong BN sebagai pilihan yang lebih selamat.

Selain itu, strategi kempen yang berfokus kepada kebijakan dan kesejahteraan masyarakat Melayu oleh BN turut memainkan peranan penting. BN berjaya menekankan kepentingan program-program pembangunan yang khusus untuk golongan Melayu, termasuk dalam sektor pendidikan, peluang pekerjaan, dan kemudahan sosial. BN juga berjaya memanfaatkan hubungan yang telah lama terjalin dengan pemimpin tempatan dan masyarakat Melayu setempat, yang memberi keyakinan kepada pengundi bahawa BN memahami keperluan dan aspirasi mereka. Keberkesanan jentera kempen BN dalam mendekati pengundi Melayu, dengan pendekatan yang mesra dan langsung, membantu memperkuuh sokongan mereka, terutamanya dalam kalangan golongan yang ingin memastikan kestabilan dan kemajuan berterusan bagi komuniti mereka.

Kejatuhan undi kepada Perikatan Nasional (PN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Ayer Kuning, Perak, mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang berkait rapat dengan ketidakpuasan pengundi terhadap prestasi parti tersebut. Salah satu sebab utama adalah reaksi terhadap kepimpinan PN yang dilihat tidak konsisten dalam memenuhi janji-janji mereka, terutamanya dalam aspek dasar ekonomi dan sosial yang memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat. Selain itu, perpecahan dalaman yang berlaku dalam kalangan parti-parti komponen dalam PN, terutamanya antara PAS dan BERSATU, mungkin menyebabkan pengundi merasa kurang yakin dengan kestabilan dan kesatuan dalam parti gabungan ini, sekaligus mempengaruhi pilihan mereka di peti undi.

Selain itu, faktor pengaruh kerajaan negeri yang dipimpin oleh Pakatan Harapan (PH) juga turut memberi impak kepada penurunan sokongan kepada PN. Program-program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri mungkin lebih dekat dengan aspirasi pengundi di kawasan tersebut, sedangkan PN mungkin dilihat sebagai kurang relevan dalam menangani isu-isu lokal. Persepsi ini mungkin diperburuk dengan kurangnya ketegasan dan visi jangka panjang yang jelas dari PN, berbanding dengan calon dari PH yang lebih mudah mendapat sokongan berdasarkan pencapaian dan rekod mereka dalam memperjuangkan isu-isu rakyat. Keseluruhan keadaan ini menyebabkan pengundi di Ayer Kuning beralih kepada alternatif lain, yang akhirnya mencerminkan penurunan sokongan kepada PN.

Kejatuhan peratusan undi Cina adalah kerana majoriti tinggal di luar kawasan dan mengambil keputusan tidak pulang mengundi dan keputusan di Ayer Kuning tidak memberi kesan kepada kedudukan Kerajaan Perpaduan di Perak. PN hanya memperolehi 6,059 undi (33 peratus), tidak jauh berbeza dengan apa diperoleh semasa PRU-15 (6,812 atau 29 peratus undi). Kemerosotan sedikit undi sebanyak 752 disebabkan sebahagian pengundi PN mengambil keputusan tidak keluar mengundi selari dengan kejatuhan jumlah keluar mengundi keseluruhan, namun dari segi peratusan, meningkat 4 peratus.

Kurangnya partisipasi pengundi Cina dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Ayer Kuning dapat dikaitkan dengan beberapa faktor, salah satunya adalah kurangnya keyakinan terhadap calon dan parti yang bertanding. Dalam PRK ini, pengundi Cina di Ayer Kuning mungkin merasa tiada pilihan yang mencerminkan kepentingan dan isu-isu yang lebih relevan dengan komuniti mereka. Walaupun terdapat calon dari parti seperti Perikatan Nasional (PN), yang berusaha mendekati pengundi Cina, terdapat perasaan ketidakpastian mengenai janji-janji yang dibuat oleh parti-parti tersebut. Isu-isu nasional, seperti hubungan antara kaum dan dasar ekonomi, mungkin tidak difokuskan sepenuhnya dalam konteks tempatan, menjadikan pengundi Cina merasa tiada kesan langsung atau manfaat kepada mereka, menyebabkan kurangnya motivasi untuk keluar mengundi.

Selain itu, keletihan politik dan kekecewaan terhadap ketidakpastian politik juga menjadi faktor utama. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pengundi Cina sering melihat perubahan dalam pemerintahan dan peralihan sokongan antara parti-parti besar, yang membawa kepada ketidaktentuan dalam hala tuju politik negara. Dalam suasana politik yang agak kacau dan tiada penyelesaian yang jelas terhadap isu-isu yang dihadapi oleh komuniti Cina, banyak pengundi dari kelompok ini mungkin merasa bahawa pilihan raya kecil seperti PRK DUN Ayer Kuning tidak akan memberi impak besar terhadap masa depan mereka. Keadaan ini menyebabkan sesetengah pengundi Cina lebih memilih untuk tidak turun mengundi, merasakan tiada pilihan yang benar-benar boleh membawa perubahan yang mereka harapkan.

Undi calon Parti Sosialis Malaysia (PSM) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Ayer Kuning meningkat sekali ganda disebabkan oleh beberapa faktor utama. Pertama, pengaruh gerakan sosial dan aktivisme yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat. PSM, yang dikenal dengan perjuangan hak pekerja, pembelaan terhadap golongan miskin, dan sokongan terhadap dasar sosial yang lebih adil, telah berjaya memanfaatkan sentimen golongan muda dan mereka yang cenderung terhadap perubahan. Kenaikan undi ini mungkin juga mencerminkan ketidakpuasan pengundi terhadap parti-parti mainstream, terutama PKR, yang dianggap tidak cukup menegakkan janji-janji reformasi.

Selain itu, peningkatan undi PSM boleh dikaitkan dengan faktor penjenamaan dan kesedaran yang lebih tinggi terhadap parti ini. PSM telah berjaya memanfaatkan isu-isu tempatan dengan lebih berkesan, memberi tumpuan kepada keperluan spesifik masyarakat setempat, dan menawarkan alternatif yang lebih meyakinkan berbanding calon-calon lain. Keputusan untuk meningkatkan bilangan wakil rakyat yang lebih bersuara tegas terhadap ketidakadilan sosial dan ekonomi turut mendorong pengundi untuk memberi undi kepada calon PSM, terutama dengan keadaan politik yang semakin polar, iaitu pengundi beralih kepada alternatif di luar arus perdana.

Jadual 1. Keputusan pilihan raya 2022 dan 2025 di DUN Ayer Kuning mengikut kawasan PDM dan komposisi etnik

Bil.	PDM	Melayu	Komposisi etnik			PRU 2022				PRK 2025		
			Cina	India	Org. Asli dll	BN	PH	PN	PSM	BN	PN	PSM
1.	Temoh Stesyen	85.8%	12.7 %	1.2%	0%	227	123	217	0	295	214	2
2.	Sungai Lesong	83.1%	9.5%	6.2%	1.1%	630	312	508	15	754	488	24
3.	Kg. Sungai Kurong	73.7%	11.0 %	5.1%	10.3 %	326	147	277	16	424	226	23
4.	Sungai Keroh	42.0%	46.4 %	0.9%	10.5 %	402	407	233	20	623	213	20
5.	Kg. Batu Mesjid	95.3%	2.6%	1.8%	0%	323	85	345	2	384	292	8
6.	Kg. Batu Tiga	72.3%	7.8%	16.6 %	3.1%	542	383	619	18	679	568	57
7.	Banir	83.3%	8.9%	6.3%	1.6%	99	24	94	1	125	71	3
8.	Banir Utara	14.6%	50.3 %	34.9 %	0.3%	130	142	16	23	153	22	39
9.	Ayer Kuning	44.4%	36.8 %	18.5 %	0%	523	604	295	159	671	390	142
10.	Ayer Kuning Selatan	5.9%	83.1 %	10.6 %	0%	110	483	23	111	276	26	81

11.	Tanjong Keramat	99.3%	0.2%	0.2%	0.1%	346	82	505	0	380	469	0
12.	Changkat Petai	77.2%	2.0%	19.3 %	1.5%	595	238	661	22	661	587	62
13.	Tapah Road Timur	91.7%	3.4%	4.3%	0.6%	248	74	247	6	240	219	10
14.	Tapah Road Utara	55.0%	23/6 %	18.9 %	2.5%	504	563	484	43	614	442	90
15.	Kg. Raya	56.2%	29.6 %	14.2 %	0%	66	107	67	3	91	58	19
16.	Pekan Getah	50.4%	23.6 %	13.2 %	12.8 %	444	318	167	19	526	196	40
17.	Kg. Simpang Tiga	53.5%	9.7%	18.6 %	17.9	2021	1337	138 8	52	2166	1216	238
18.	Kg. Rahmat	36.1%	4.9%	58.0 %	0.9%	437	202	128	27	424	138	88
19.	Jeram Mengkuang	87.4%	1.7%	9.6%	0.8%	280	94	178	2	241	206	13
20.	Kg. Coldstream	0.2%	99.6 %	0.1%	0.1%	188	935	9	35	708	23	66
21.	Undi Pos	-	-	-	-	414	117	278	11	77	28	3
22.	Undi Awal	-	-	-	-	233	8	73	2	389	63	5
JUMLAH BESAR						9088	6875	681 2	586	11065	6059	1106

***berwarna kuning adalah majoriti dan parti politik yang menang

Sumber: SPR (2022; 2025)

Jelas terdapat pola pengundian sama ketika PRK DUN Nenggiri dan DUN Mahkota yang menyaksikan undi PN merosot sedikit, namun hampir statik mengekalkan tahap jumlah undi semasa PRU-15. Jelas sekali, pengundi yang memilih PN semasa PRU-15 kekal mengundi gabungan itu. Calon PSM pula meningkat undinya, iaitu 1,106 (6 peratus) semasa PRK berbanding PRU-15 yang berjumlah 586 (2.5 peratus). Peningkatan 520 undi ini kerana peralihan sokongan sebahagian pengundi India yang sebelum ini menyokong PH. Jumlah keluar mengundi pengundi India pada PRK kali ini adalah 53 peratus.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kawasan DUN Ayer Kuning sejak PRU 1986 terkenal sebagai kubu kuat BN/UMNO, dengan kemenangan konsisten dalam lapan penggal terakhir. Faktor calon memainkan peranan besar iaitu Mohamad Yusri Bakir memiliki latar belakang PhD, imej agama dan sosio-aktivis di kawasan tersebut. PH (terutamanya DAP dan MCA) turut menyokong calon BN selaras kerjasama dalam Kerajaan Perpaduan, memudahkan pemindahan undi bukan Melayu. Sokongan bukan Melayu (Cina, India Orang Asli) menguat kepada BN.

Penguahan kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil DUN Ayer Kuning dapat dilihat melalui beberapa faktor utama, iaitu status kawasan tersebut sebagai kubu kuat BN, serta penerapan politik perpaduan dan kestabilan yang berjaya mempengaruhi pengundi. Dalam konteks ini, BN tidak hanya memanfaatkan pengaruh sejarahnya di kawasan itu, tetapi juga menekankan agenda perpaduan dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat, di samping menjanjikan kestabilan politik untuk kemajuan kawasan tersebut. Strategi ini berhasil memastikan sokongan pengundi terus berpihak kepada BN, yang mana ia turut mencerminkan kestabilan politik di peringkat lokal dan nasional dalam memacu kemajuan negara.

PH bertindak secara aktif bagi memastikan pengundi bukan Melayu pulang mengundi, terutamanya golongan muda dan perantau. Penurunan ketara peratusan keluar mengundi (58 %) berbanding 74 % sebelumnya menyebabkan BN tidak mencapai sasaran 18,000 undi. PN (PAS) hanya berjaya memperoleh sokongan stabil kalangan Melayu tetapi tidak menembusi sokongan bukan Melayu. Kejayaan BN dikaikkan dengan persepsi bahawa rakyat menolak “politik berunsur perpecahan” dan mahu kestabilan di bawah Kerajaan Madani. Mengamalkan pendekatan kempen beretika dan tidak mengapi-apikan sentimen kaum telah membantu BN meraih undi lebih sejagat. Isu kos sara hidup, rasionalisasi subsidi dan 3R menjadi cabaran kepada Kerajaan Perpaduan dan menjadi titik tumpu kempen pihak pembangkang. PRK DUN Ayer Kuning

menjadi ujian kepada kesepaduan jentera BN dan PH di peringkat akar umbi. Keputusan PRK ini dapat dijadikan penanda aras pengaruh PN terhadap pengundi Melayu muda di kawasan bercampur. Kemenangan BN dengan majoriti 5,006 undi (11,065 vs 6,059 undi) menandakan peningkatan majoriti daripada 2,213 undi di PRU-15. Hanya satu pusat daerah mengundi hilang, manakala 19 PDM berpihak kepada BN, menunjukkan “penguasaan semula” BN di seluruh DUN.

Dinamika pengundi dalam PRK DUN Ayer Kuning mencerminkan sokongan etnik yang berbeza, dengan pengundi Melayu, Cina, dan India masing-masing memberi reaksi yang berbeza terhadap parti-parti yang bertanding. Secara umum, sokongan etnik Melayu masih kukuh terhadap parti-parti tradisional seperti PKR dan PAS, namun terdapat peningkatan sokongan kepada calon alternatif seperti PSM, terutamanya di kalangan golongan muda dan mereka yang tidak berpuas hati dengan politik arus perdana. Peratus keluar mengundi dalam PRK ini juga memainkan peranan penting, dengan pengundi muda dan golongan yang lebih urban mungkin lebih cenderung untuk turun mengundi, berbanding pengundi yang lebih konservatif dan tidak teruja dengan pilihan yang ada. Pola Pengundian Daerah Mengundi (PDM) menunjukkan bahawa kawasan bandar cenderung lebih menyokong calon dari gabungan PH atau PSM, sementara kawasan luar bandar lebih condong kepada parti yang dilihat lebih kuat dalam mempertahankan identiti etnik dan agama, seperti PAS. Kesemua faktor ini menggambarkan ketidaktentuan dalam sokongan pengundi, yang dipengaruhi oleh faktor sosio-ekonomi, etnik, serta harapan terhadap perubahan dalam kepimpinan negeri dan negara.

Bagi impak nasional, keputusan ini mencerminkan penerimaan rakyat terhadap Kerajaan Madani, memupuk kerjasama merentas kaum, dan membayangkan BN-PH mampu kekal dominan di Perak. Impak lokal dan nasional dalam PRK DUN Ayer Kuning, Perak, adalah signifikan dalam menggambarkan dinamik politik yang lebih besar di Malaysia. Secara lokal, keputusan PRK ini mencerminkan sentimen pengundi terhadap parti-parti yang telah memerintah dan isu-isu yang lebih dekat dengan kehidupan mereka, seperti keperluan sosial dan ekonomi yang tidak diendahkan. Kemenangan atau peningkatan undi bagi mana-mana parti di peringkat DUN ini turut memberi gambaran mengenai arah tuju sokongan pengundi terhadap kerajaan negeri dan isu-isu tempatan. Di peringkat nasional, keputusan PRK Ayer Kuning turut memberi petunjuk mengenai perubahan kecenderungan pengundi terhadap gabungan parti tertentu, khususnya apabila mengambil kira peningkatan sokongan kepada parti seperti PSM dan kejatuhan undi PN, yang mungkin mencerminkan ketidakpuasan terhadap politik arus perdana. Ini juga memberi isyarat kepada parti-parti besar, seperti PKR dan BN, mengenai keperluan untuk lebih peka dengan kehendak rakyat dan menyesuaikan dasar mereka bagi mengelakkan pengalihan sokongan yang lebih besar pada pilihan raya umum akan datang.

Penghargaan: Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Malek, A., Abdullah, M. A. I. L., Abdul Aziz, A. R., & Mohd Razali, A. (2018). Faktor-faktor yang mempengaruhi pola undi belia luar bandar dalam Pilihanraya ke-13: Kajian kes di Kampung Gajah, Perak. *International Journal of Society, Development and Environment in the Developing World*, 2(1), 48–62.
- Abdul Malek, A., Abdullah, M. A. I. L., Abdul Aziz, A. R., & Mohd Razali, A. (2018). Pengaruh media sosial dalam Pilihanraya Umum di Malaysia: Kajian kes belia luar bandar dalam PRU 13 di DUN Kampung Gajah, Perak. *International Journal of Society, Development and Environment in the Developing World*, 2(1), 1–16.
- Ab. Rahman, AR. & Manimaran, G. (2021). Pilihan Raya Demokrasi Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Junid, I. D. (2020). The battle for Perak. In Gomez, E. T. and Mohamed Osman, M. N. *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power*. Routledge.

- Ariffin, K., Saadon, R. & Tuan Chik, T. W. (2019). Pilihan Raya Umum ke-14 di Negeri Perak. Dlm. Abdul Rahman, Z., Fauzi, R & Ghazali, A. S. (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-14: Isu dan cabaran Malaysia Baharu*. Penerbit Universiti Malaya.
- Arshad, A. H. 2011. The real question on Perak. In Audrey Quay. *Perak: A state of crisis*. Liberal Banter Sdn. Bhd.
- Awang Besar, J & Che Rose, R. A. (2021). Sentimen dan sokongan politik luar bandar. Dlm. Saad, S., Abdul Manaf, A. & Mat Jali, M. F. (Pnyt.). *Kelestarian pembangunan komuniti luar bandar di Malaysia*. Hlmn. 81-103. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Besar, J. & Mat Jali, M. F. (2009). Pola politik mengikut kaum di kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059). *Seminar Malindo-Nusantara (I)*. The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Provinsi Sumatera Barat, Indonesia. 16-17 Disember.
- Awang Besar, J. & Mat Jali, M. F. (2013). Pola pengundian dalam Pilihan Raya Kecil 2009-2011 di Malaysia. Dlm. Baharuddin, S. A. & Mohd Noor, M. (Editor). *PRU-13: Siapa pilihan pengundi?*. Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang Besar, J., Fauzi, R. & Said, M.M. (2021). Geografi Pilihan Raya Parlimen Bagan Serai: Isu dan aplikasi. *Demokrasi dan Pilihan Raya*, 5(1), 50-79.
- Awang Besar, J., Mat Jali, M. F., Sidek, A. H., Ibrahim, Y, Hj. Mohd Awal, N. A. & Khaidzir Hj. Ismail. (2010). Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 26-37.
- Awang Besar, J., Mohd Zain, M. F., Fauzi, R., Ghazali, A. S. & Mat Jali, M. F. (2014). Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia dengan menggunakan pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi. *Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia Ke-8 (PAHMI8) (The 8th International Conference On Malaysia-Indonesia Relations)*. Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (UNILAK), Pekanbaru, Provinsi Riau, Indonesia. 23-25 September.
- Azlan, A. A., Abdul Rahman, Z., & Yaakub, M. T. (2017). The 2014 Teluk Intan parliamentary by-election in Malaysia. *Romanian Journal of History and International Studies*, 4(2), 67–98.
- Bloggers Network Perak. (2009). *Rampasan kuasa Negeri Perak durjana UMNO-BN: Siapa Menteri Besar yang sah mengikut undang-undang*. Ipoh: Bloggers Network Perak.
- Boyman, S. N. & Jawan, J. (2016). Kegoyahan Pakatan Rakyat di Perak. Dlm. Ismail, M. T., Daud, S. (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesinambungan politik baharu, kekentalan politik lama*. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Boyman, S. N., Saleh, Y., Hashim, M, Mahat, H, Nayan, N. & Suhaili, S. (2021). Rasional politik pilihan raya di Perak dalam PRU-14. Dlm. Awang Besar, J., Mat Jali, M. F. & Yusuff, N. A. (Penyelenggara). *Dinamika politik pilihan raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 201-227. Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Dawi, A. H. (2013). Pola pengundian di Perak dalam PRU-13. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Editor). *PRU-13: Siapa pilihan pengundi?*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali, A. S. 2013. Analisis dan pola pengundian. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali. *Pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Hasan, M & Mohamed Noor, M. N. (2017). *Kerajaan Pakatan Rakyat di Perak: Gelora dalam politik gabungan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jagtiani, R. B. (2014). Lumut, Perak: Patronage, clientism and the post-coup Order. In Weiss, M. L. *Electoral dynamics in Malaysia: Finding from the grassroots*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Kuang Keng, K. S. (2012). By-Election 4: P59 Bukit Gantang, Perak (March 29-April 7, 2009. In Huat, W. C. & Tsin, S. L. (Editor). *Democracy at Stake? Examining 16 By-election in Malaysia, 2008-2011*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Mohd Anuar, H. (2020). Election during COVID-19 pandemic: Constitutional Perspectives. *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)*, 5(21), 277-284.

- Rusli, N. S. & Awang Besar, J. (2022). Geografi politik dan pilihan raya di kawasan Parlimen (P073) Pasir Salak, Perak Darul Ridzuan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(3), 1–16.
- Shafie, N. A. S., Azlan, A. A. & Che Soh, M. (2021). Pilihan Raya Kecil Slim 2020 di Perak, Malaysia: Prestasi Perikatan Nasional. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(7), 222-242.
- Wan Omar, W.A. (2014). Saya, SPR & Pilihan Raya. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.
- Yaakob, K. (1988). *Riwayat hidup Menteri Besar-Menteri Besar Perak Darul Ridzuan*. Yayasan Perak.